

PENGURUSAN POS OPERATIF



LARANGAN PEMBEDAHAN AMPUTASI



JANGAN : Duduk atau terbaring dalam keadaan stump bengkok



JANGAN : Duduk dengan Stump Bengkok



JANGAN : Baring dengan stump dalam keadaan abduksi (terbuka) mengelakkan stump terbuka kesisi

Disediakan Oleh:

Wad 8U/9U

Tel : 03-79492447/2448


Sebarang Pertanyaan Sila Hubungi

Perkembangan Kejururawatan, Tingkat 8, Menara Utama

Pusat Perubatan Universiti Malaya, 59100 Kuala Lumpur

Tel : 03-79492376/ 2931/ 2798/ 2412

Hak milik Pusat Perubatan Universiti Malaya 2011



AMPUTASI BAHAGIAN ANGGOTA BAWAH

PEMBEDAHAN AMPUTASI

Pembedahan membuang bahagian anggota dalam kes:

- ◆ Kecederaan teruk pada bahagian anggota melibatkan tulang hancur (*crush injury*)
- ◆ Rebakan jangkitan pada tulang menyebabkan berlaku septisemia
- ◆ Rebakan kanser tulang
- ◆ Anggota tidak berfungsi seperti *chronic ulcer*, tidak akan sembuh

BAHAGIAN AMPUTASI ANGGOTA BAWAH

- ◆ Symes/ Ankle / Foot Disarticulation—pembuangan sebahagian anggota dibahagian sendi pergelangan kaki.
- ◆ Transbial - pembuangan anggota hingga tengah tulang tibia/ tulang kering
- ◆ Knee Disarticulation - anggota dibuang hingga ke sendi lutut
- ◆ Transfemoral - pembuangan anggota hingga tengah tulang paha
- ◆ Hip Disarticulation - pembuangan anggota sehingga ke sendi paha
- ◆ Transpelvic (hindquarter) - pembuangan anggota melibatkan seluruh kaki termasuk tulang pelvic

PERSEDIAAN SEBELUM PEMBEDAHAN

Rujuk kepada:

- ◆ Pakar Pemulihan amputasi untuk proses kaunseling dan persediaan anggota sebelum pembedahan
- ◆ Jurupulih Cara Kerja untuk pemulihan cara kerja
- ◆ Fisioterapi untuk terapi pemulihan anggota
- ◆ Pegawai Kebajikan Perubatan untuk bantuan dari segi emosi, social dan ekonomi.
- ◆ Rujuk kepada Pakar Psikiatrik jika perlu

PERSEDIAAN PESAKIT SEBELUM PEMBEDAHAN

- ◆ Pemeriksaan rutin darah
- ◆ Pemeriksaan radiologi
 - X-Ray dada
 - X-Ray bahagian anggota yang terlibat
- ◆ Elektrokardiogram (ECG)

PENGURUSAN PRA OPERATIF

- ◆ Kebenaran pembedahan dan anesthesia diambil

Rujukan

GRIMM, ZANE: above-knee amputations-pre-prosthetic training principles and practice. J. Assn. Phys. & Med. Rehab., 17(6) : 164-165, nov.-Dec. 1963.

Andersonm ., Bechtolc ., an ollar sr. : Clinical prosthetics for physicians and therapy.

www.drugs.com/cg/above-the-knee-amputation-in

<http://www.vascular.co.nz/Amputation%20surgery.htm>

PENGURUSAN POS OPERATIF

- ◆ Terdapat luka jahitan / klip pembedahan di bahagian anggota yang dibuang
- ◆ Tiub aliran luka bedah ditanggal selepas keluaran kurang daripada 30 ml.
- ◆ Ubat tahan sakit secara:
 - Epidural
 - Suntikan
 - Ubat makan
- ◆ Pembedahan Transtibial amputation:
 - Ampu stump dengan bantal dalam masa 24 jam pembedahan untuk mengurangkan bengkak
- ◆ Pembedahan Midfemoral amputation:
 - Dilarang ampu stump dengan bantal untuk mengelakkan kontraktur pada sendi paha
- ◆ Lakukan :
 - Senaman pernafasan
 - Senaman menguatkan otot

JAGAN STUMP



- ◆ Balut stump untuk membentuk stump selepas 48-72 jam pembedahan
- ◆ Luka/ klip dibuka 14 hari selepas pembedahan
- ◆ Cuci dengan air dan sabun yang lembut selepas luka jahit dibuka dan luka jahitan sembuh

- ◆ Sapu losen/ minyak untuk elakkan kulit kering dan luka

